



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

KARYA INOVASI 2022

PEMBUDAYAAN INOVASI
MENINGKAT KUALITI



KARYA iNOVASI 2022

**PEMBUDAYAAN INOVASI
MENINGKAT KUALITI**

Diterbitkan November 2022

Hak cipta ©Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semua hak cipta terpelihara.
Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebaliknya, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat atau hubungi:

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
ARAS 6,9-18, NO. 55,
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA
TEL: 03-8323 1656 / 03-8323 1658
FAKS: 03-8323 2094

Jabatan Kebajikan Masyarakat mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan buku ini serta mereka yang bersetuju membenarkan kami menggunakan koleksi gambar.

Dicetak dan direkabentuk oleh:
OMR PRESS SDN. BHD
NO. 18 JALAN INDUSTRI USJ 1/12,
TAMAN PERINDUSTRIAN USJ I,
47600 SUBANG JAYA SELANGOR.
TEL : 03-8024 6396 FAKS : 03-8024 6936

KANDUNGAN

Selayang Pandang

v

Pengenalan

Definisi

Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

vi

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Penyertaan

Kategori

Kumpulan dan Produk yang Bertanding

Panel Hakim

Sorotan Sepanjang KIK

1

Sambutan Hari Inovasi JKM 2022

Petikan Ucapan Perasmian

Petikan Ulasan Pengerusi Panel Hakim

Pemenang Pertandingan Inovasi Jabatan Kebajikan Masyarakat 2022

Sorotan Sepanjang Sambutan Hari Inovasi JKM 2022

59

Penghargaan

68

SELAYANG PANDANG

“
Penghasilan inovasi secara berterusan dan berimpak tinggi dapat meningkatkan kecekapan sesuatu proses atau penyampaian perkhidmatan jabatan sekaligus memastikan keberlangsungan dan kemampuan dalam mengharungi cabaran ke arah menjadi negara maju.”



YBhg Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat



PENGENALAN

1 Definisi Inovasi

Inovasi boleh ditafsirkan sebagai cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Idea-idea tersebut boleh diperolehi dari dalam dan luar atau melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai idea baru atau diadaptasi untuk diguna pakai mengikut keperluan jabatan/agensi.

Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi.

2 Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

- 💡 Memenuhi konsep Cepat, Tepat, Integriti - Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi (CTI-PCI);
- 💡 Menyokong Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS);
- 💡 Prinsip Inovasi Nilai (*Value Innovation*) dan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA). Tumpuan diberikan kepada penciptaan nilai, penambahan nilai, pengurangan kos, perkhidmatan yang memenuhi aspirasi dan harapan rakyat serta berimpak tinggi.

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

1 **Penyertaan**

Terdiri daripada 26 kumpulan melibatkan 11 negeri:



Perlis (1 kumpulan)



Pulau Pinang (3 Kumpulan)



Perak (1 kumpulan)



Selangor (4 kumpulan)




Negeri Sembilan (1 kumpulan)



Johor (1 kumpulan)




Kelantan (3 kumpulan)



Terengganu (2 kumpulan)



Pahang (5 kumpulan)



Sabah (3 kumpulan)



Sarawak (2 kumpulan)

A Inovasi Sosial (Penciptaan)

BIL	NAMA KUMPULAN	AGENSI	TAJUK PROJEK
1	SPS Hero	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Selatan	T-RI
2	South West	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Barat Daya	Wilcha Bizz

B Inovasi Sosial (Penambahbaikan)

BIL	NAMA KUMPULAN	AGENSI	TAJUK PROJEK
1	Homeward	Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah	Homeward

C Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan)

BIL	NAMA KUMPULAN	AGENSI	TAJUK PROJEK
1	Tunas Bakti Tech	Sekolah Tunas Bakti Jerantut	Power Oven
2	RSKC 1 Team	Rumah Seri Kenangan Cheras	Willy Cage
3	Terabai Simanggang	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sri Aman, Sarawak	MyWBest
4	Seri Perlis	Rumah Seri Kenangan Kangar Perlis	Stretcher Pengurusan Jenazah
5	Kewangan Kelantan	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan	Ingat Lapor (Kaedah Pemantauan Penghantaran Laporan Kewangan Yang Kurang Efisien)

6	Gifted Hand	Sekolah Tunas Bakti Teluk Ayer Tawar, Pulau Pinang	Kerusi SPA 3P
7	Jemaah	Rumah Seri Kenangan Taman Kemumin, Kelantan	Troli Agihan Makanan Pesakit Terlantar
8	Nadi Dinamik	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Gombak	Sistem Carian Ezy-Find
9	Cakna	Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Gua Musang, Kelantan	Kotak Cakna
10	The Soaring Eagle	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Dungun, Terengganu	S.M.A.R.T Sensor
11	Exelixi	Desa Bina Diri Kota Kinabalu, Sabah	Alat Peringatan Waktu Makan Ubat Automtik
12	Welfrenz	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Miri, Sarawak	i-TRACK
13	J-Resolusi	Taman Sinar Harapan Jubli, Johor	B4B (Bath For Bedridden)

Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan)

BIL	NAMA KUMPULAN	AGENSI	TAJUK PROJEK
1	Bakti	Rumah Kanak-kanak Sultanah Hajah Kalsom, Penor, Pahang	IGRA Park
2	Atma	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Maran, Pahang	DiVERSE
3	2HarmoniWE	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	SISTEM ePENA PAWE

4	Mutiara DBD	Desa Bina Diri Jerantut Pahang	Proses Kerja Membersihkan Penghuni Bermasalah Mental
5	DEVGRU	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Pilah	P.E.S (Portable Electric Power Supply)
6	Team Tough	Rumah Kanak-kanak Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan, Pahang	Relaksasi Edible Garden
7	Smart Fiks	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Selangor, Selangor	ePPS (Elektronik Pusat Pemindahan Sementara)
8	The Titans	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Setiu, Terengganu	e-CODE (Elektronik Pusat Pemindahan Sementara)
9	Sri Stella Team	Taman Didikan Kanak-kanak Kurang Upaya Sri Stella, Tawau, Sabah	Stella Chair
10	i-NEEDS 2.0	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hilir Perak, Perak	Sistem Pengurusan Dokumen

A KATEGORI INOVASI SOSIAL (PENCIPTAAN)

i) Kumpulan SPS Hero

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang

Masalah: Klien OKU dan warga emas mempunyai masalah menggunakan alat bantu jalan disebabkan peralatan yang tidak mesra pengguna, masalah meletak atau menyimpan dan kesukaran klien untuk mengambil alat bantu jalan jika diletakkan di lantai atau bawah tempat duduk.

Kegunaan Produk: T-Ri ini digunakan oleh OKU atau warga emas yang menghadapi masalah kesukaran bergerak. Konsep T-Ri adalah gabungan tongkat ketiak, *axillary crutch* dan *walker*.

Impak Projek: Pengukuran impak dilihat dari segi produktiviti, penyampaian perkhidmatan, kualiti, kos, keselamatan dan moral. Produk ini mengurangkan risiko kecederaan dan menjimatkan masa pengguna dari 2 hingga 3 minit kepada 10 saat sahaja serta mempunyai penyangkut untuk menggantung barang keperluan serta menjimatkan tenaga.

KRITERIA : UJICUBA (TEST)



Nama Projek: T-Ri (Alat Bantu Jalan)

Masalah 2 : Tiada ruang/tempat yang khas disediakan untuk meletak alat bantu jalan yang digunakan



T-Ri lebih lasak dan dapat meningkatkan keseimbangan badan serta mengurangi kesakitan pengguna. Selain itu, penambahan aksesori kepada alat bantu jalan ini telah meningkatkan keyakinan dan moral pengguna dalam menjalani kehidupan harian.

HASIL INOVASI



ii) Kumpulan South West

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Barat Daya Pulau Pinang

Masalah: Memberi nilai tambah kepada *wheelchair* sedia ada untuk kegunaan kumpulan sasar jabatan.

Kegunaan Produk: Projek ini ditambah baik dengan memasang papan meja, pelaras meja, cangkuk S, payung dengan menggunakan kerusi roda terpakai.

Impak Projek: Produk ini sesuai untuk klien yang mengalami masalah kecacatan fizikal tetapi ingin menjalankan perniagaan. Projek ini fleksibel, mudah alih dan memenuhi keperluan klien yang terpaksa menggunakan kerusi roda untuk bergerak. Dengan projek ini, klien dengan pergerakan yang terbatas sedangkan mereka perlu mencari rezeki dengan berniaga sendiri dapat bergerak dengan lebih mudah sambil berniaga.



Nama Projek: Wilcha Bizz



HASIL INOVASI



B INOVASI SOSIAL (PENAMBAHBAIKAN)

i) Kumpulan Homeward


Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah

Masalah: Satu projek peminjaman peralatan asas yang diperlukan. Peralatan asas ini tidak diperlukan dan akan diberikan kepada penerima yang memerlukan. Contoh peralatan yang diperlukan seperti *wheelchair*, *commode chair*, *ripple mattress*, *screen ward dividers* dan *walking frame*.

Kegunaan Produk:

- Penjagaan penuh pesakit terlantar oleh keluarga.
- Penyediaan kemudahan asas perubatan.
- Berkonsepkan 'Loaner Cycle' iaitu peralatan yang sudah tidak lagi diperlukan oleh klien akan dipinjamkan semula kepada pesakit lain.

Impak Projek: Program Homeward adalah contoh CSR dengan memberikan alatan perubatan yang mahal dan terhad dari segi stok. Oleh itu, program ini dapat menampung ketiadaan peralatan seperti ini untuk kegunaan pesakit.



HASIL INOVASI




Keadaan pesakit terlantar yang diuruskan oleh Jururawat dan Fisioterapist hasil inovasi yang digunakan.



L INOVASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (PENCIPTAAN)




i) **Kumpulan Tunas Bakti Tech** **Sekolah Tunas Bakti Jerantut**

Masalah:

-  Masa penyediaan makanan yang panjang.
-  Tempoh masa memasak yang lama.
-  Oven elektrik sedia ada hanya boleh memuatkan 2 ekor ayam sahaja.

Kegunaan Produk: Power Oven yang mudah dikendalikan, jimat masa dan boleh masak dalam kuantiti yang banyak serta dihasilkan daripada peralatan yang murah.

Impak Projek:

-  **Produktiviti**
Meningkatkan kuantiti dan mengurangkan masa penyediaan.
-  **Kualiti**
Tekstur masakan lebih lembut, lebih berjus dan kurang lemak.
-  **Penyampaian Perkhidmatan**
Penyediaan makanan yang lebih sihat dan berkhasiat.



Nama Projek: Power Oven





Uji coba pertama telah dilakukan pada 06/05/2021 bersamaan 24 Ramadhan 1442H Dengan memasak 20 ekor ayam dan 26 batang lemas untuk di agih-agih kepada staf dan pelatih untuk dijadikan juadah berbuka puasa.

HASIL INOVASI



ii) Kumpulan RSKC 1 Team

Rumah Seri Kenangan Cheras Selangor





Masalah: Pihak pengurusan RSKC sering menerima aduan mengenai gangguan monyet yang berlaku di sekitar kawasan institusi sehingga memberikan ancaman keselamatan dan kerosakan harta benda institusi. Projek ini dijalankan dengan bimbingan dan nasihat daripada Jabatan Perhilitan. Satu kaedah yang efektif perlu dicadangkan untuk mengurangkan kacau gangguan monyet.



Nama Projek: Willy Cage

Kegunaan Produk: Willy Cage mengurangkan kehadiran monyet di dalam kawasan Rumah Seri Kenangan Cheras. Selain itu, aduan penghuni dan kakitangan terhadap kerosakan harta benda, kebersihan, bangunan dan ancaman kacau gangguan monyet dapat dikurangkan.

Impak Projek:

-  **Moral kakitangan**
Kakitangan dapat menjalankan tugas dengan lebih selesa, selamat dan tenang.
-  **Penjimatan masa**
Penjimatan masa dalam menguruskan kesan kerosakan akibat gangguan monyet.
-  **Penjimatan kos**
Pembaikan dan penyelenggaraan (kos pembaikan bumbung).
-  **Sumber Tenaga**
Memerlukan kerjasama kakitangan dan pegawai keselamatan untuk penyelenggaraan dan pemantauan.



HASIL INOVASI



iii) Kumpulan Terabai Simanggang

Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sri Aman, Sarawak

Masalah Projek: Kesukaran kakitangan untuk membuat pemantauan terhadap pencapaian projek Usahawan Wellbest (UWB).

Kegunaan Produk: Portal Web memudahkan pegawai PKMB Sri Aman melakukan tugas pemantauan pencapaian Projek Usahawan WellBest di sekitar Sri Aman.

Impak Projek:

- 1 Meningkatkan kutipan hasil jualan.
- 2 Meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan.
- 3 Penyampaian perkhidmatan dengan lebih berkesan.
- 4 Mengurangkan kos.
- 5 Penyimpanan data yang selamat.



Nama Projek: MyWBest



iv) Kumpulan Seri Perlis

Rumah Seri Kenangan Kangar Perlis

Masalah: Kesukaran pengendalian jenazah penghuni yang pelbagai saiz fizikal, peralatan yang tidak mencukupi serta melibatkan ramai kakitangan untuk menguruskan jenazah. Proses mengurus jenazah sedia ada memberi kesan sakit belakang kepada kakitangan terlibat.

Kegunaan Produk: *Stretcher* ambulans yang mempunyai kaki boleh laras ketinggian digabungkan dengan plat aluminium pelapik tempat mandi yang tahan karat. Struktur gabungan ini lebih fleksibel, mempunyai ciri keselamatan, dapat menampung berat dan memudahkan pergerakan masuk ke dalam kenderaan.



Nama Projek: Stretcher Pengurusan Jenazah

Impak Projek:



Produktiviti

Jumlah petugas untuk menguruskan jenazah dapat dikurangkan.



Kualiti

Tatacara dan budaya kerja yang lebih berkualiti, fasiliti yang sempurna dan sikap serta komitmen kakitangan yang baik.



Keselamatan

Mengurangkan risiko kecederaan otot, membantu memelihara tahap kesihatan mental, emosi dan sosial kakitangan dalam tempoh masa yang panjang.



Moral

Meningkatkan kepuasan bekerja dikalangan kakitangan.



HASIL INOVASI



v) Kumpulan Kewangan Kelantan

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan

Masalah: Kelewatan menghantar Laporan Kewangan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan yang sering lewat adalah Laporan ABT, Laporan Bil 14 hari, Laporan Cek/ EFT terbatal dan Laporan LPB.

Kegunaan Produk: Penyesuaian sistem yang sedia ada dengan menambah ciri peringatan menghantar laporan kewangan kepada pengguna iaitu PT Kewangan, Penyelia dan Pengarah. Sistem akan menggunakan kaedah pop-up untuk menyatakan keperluan menghantar laporan di *webpage* kewangan semasa mereka “log in” seperti senarai tugas hari ini.

Impak Projek:

- 💡 Meningkatkan produktiviti kerja dengan mematuhi Arahan Kewangan berpandukan kepada Pekeliling yang dikeluarkan.
- 💡 Menambah baik imej JKM Negeri dari segi pengurusan kewangan yang terbaik.
- 💡 Pengurusan Kewangan dapat dilakukan dengan lebih baik dengan adanya sistem yang teratur dan dinamik.
- 💡 Ketepatan penilaian dapat dilaksanakan dengan tersusun.
- 💡 Keselamatan data dan moral kakitangan.



Nama Projek: Kaedah Pemantauan Penghantaran Laporan Kewangan Yang Kurang Efisien (Ingat LaPOR)



**SISTEM “Kaedah Pemantauan Penghantaran Laporan
Kewangan Yang Kurang Efisien””
(Muka Paparan Mula) Alert System**

Log Masuk Pengguna

ID PENGGUNA :

KATA LALUAN :

Lupa Kata Laluan [Klik Sini](#)

HANTAR SET SEMULA

SISTEM INGAT LAPOR

Berkat Berjasa

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat
Negeri Kelantan

ID PENGGUNA:
Memasukan Nombor Kad Pengenalan Kakitangan yang Telah Didaftarkan Dalam Sistem.

KATA LALUAN:
Kata Laluan Diperlukan Bagi Mengesahkan Setiap Pengguna yang Telah Didaftarkan.

KLIK SINI:
Permohonan Bagi Pengguna yang Terlupa Kata Laluan

HANTAR:
Bagi Login Atau Masuk Sistem

vi) Kumpulan Gifted Hand

Sekolah Tunas Bakti Teluk Ayer Tawar Pulau Pinang

Masalah: Peralatan yang berselerak, sering hilang, mudah rosak dan pengeluaran stok barang yang tinggi serta tiada ruang simpanan yang khusus.

Kegunaan Produk: Kerusi yang mempunyai ruang penyimpanan barang dan peralatan.

Impak Projek:



Kualiti

Peralatan mudah diperolehi dan tahap kebersihan dapat dipertingkatkan serta jangka hayat peralatan dapat di panjangkan tempohnya.



Keselamatan

Peralatan dan perkakasan yang diambil akan dipantau oleh pegawai pengiring. Selain itu, peralatan ini mempunyai lampu bagi kegunaan pada waktu malam.



Kos

Kos pembelian dapat di jimatkan.



Moral

Pengguna mudah mendapatkan peralatan yang akan digunakan, mendisiplinkan pengguna dan meningkatkan tahap motivasi pengguna.



Nama Projek: Kerusi SPA 3P (Sistem Pengurusan Alatan Pembersihan, Pertukangan, Pertanian)

HASIL INOVASI



vii) Kumpulan Jemaah

Rumah Seri Kenangan Taman Kemumin, Kelantan

Masalah: Kaedah pengagihan makanan kepada penghuni terlantar oleh Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) bertugas dengan menggunakan tangan. Kaedah pengagihan makanan mengambil masa yang lama kerana berulang alik, memerlukan ramai petugas membawa makanan, menghadapi risiko pinggan atau gelas jatuh dan pecah semasa mengambil atau menghantar makanan.



Nama Projek: Troli Agihan Makanan Pesakit Terlantar

Pelaksanaan Projek: Mereka bentuk troli yang boleh dicabut dan dipasang mengikut kegunaan semasa serta mengikut keadaan bentuk muka bumi RSK serta mewujudkan SOP pengagihan makanan yang lebih sistematik.

Impak Projek:

- 💡 Prosedur kerja lebih ringkas, menjimatkan masa dan mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga.
- 💡 Kos operasi penyediaan bahan untuk pinggan dan gelas dapat dikurangkan.
- 💡 Risiko kecederaan dapat dikurangkan.

HASIL INOVASI





viii) Kumpulan Nadi Dinamik

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Gombak, Selangor

Masalah: Carian maklumat pendaftaran bagi kes pemberitahuan anak pelihara di bawah Seksyen 35 AKK 2001 dilakukan secara manual dan maklumat hanya dapat diakses oleh kakitangan Unit Kanak-kanak sahaja.

Kegunaan Produk: Sistem diwujudkan untuk semakan status permohonan pemberitahuan anak pelihara yang telah didaftarkan di bawah Seksyen 35 AKK 2001.

Impak Projek: Memudahkan carian semua kes pemberitahuan anak pelihara yang telah didaftarkan dan penggunaan diperluaskan.



ix) Kumpulan Cakna

Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Gua Musang, Kelantan

Masalah: Jarak jauh, tiada logistik, kos tinggi, capaian internet rendah, tidak celik IT dan dokumen secara fizikal masih diperlukan.

Kegunaan Produk: Memudahkan urusan penduduk setempat mendapatkan perkhidmatan JKM. Kotak ini mempunyai dua ruangan. Ruang Borang Perkhidmatan merupakan ruang ambilan borang manakala Ruang Serahan merupakan ruang serahan bagi setiap borang perkhidmatan berkunci bagi menjamin kerahsiaan klien.


Impak Projek: Meningkatkan capaian dan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Penjimatan masa adalah sehingga 50% berdasarkan jarak rumah klien dan lokasi kotak CAKNA.



Nama Projek: Kotak CAKNA

HASIL INOVASI

5- Idea Tuntas Dipilih dan Prototaip Dibangunkan



Borang Permohonan Bantuan Kewangan (JKM 18)



Borang Semakan Semula Bantuan Kewangan (JKM20)



Borang Permohonan Pendaftaran OKU



x) Kumpulan The Soaring Eagle

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Dungun Terengganu

Masalah: Petugas di kaunter tidak menyedari kehadiran klien di parkir khas yang ingin mendapatkan perkhidmatan.

Kegunaan Produk: Pemberitahuan kepada petugas kaunter tentang kehadiran pelanggan di parkir khas melalui alat pengesan kenderaan. Alat komunikasi dua hala pula berperanan sebagai peranti perantara komunikasi di antara pegawai khidmat pelanggan dan pengguna parkir khas.

Impak Projek: Memberi kemudahan kepada pelanggan yang berkeperluan khas menerima perkhidmatan Jabatan.



xi) Kumpulan Exelixi

Desa Bina Diri Kota Kinabalu, Sabah

Masalah: Kebarangkalian kelalaian dalam pemberian ubat kepada penghuni dan pengambilan ubat oleh penghuni.

Kegunaan Produk: Sistem penggera bagi penetapan masa pemberian ubat kepada penghuni.

Impak Projek: Alat penggera ini dapat membantu pengambilan ubat secara konsisten mengikut jadual dan boleh mengurangkan risiko atau komplikasi kepada penghuni.



Nama Projek: Alat Peringatan Waktu Makan Ubat Automatik

PROTOTYPE



BERBUNYI MENGIKUT WAKTU MAKAN UBAT PENGHUNI

TIDAK AKAN BERHENTI BERBUNYI SELAGI TIDAK DI MATIKAN. BUTANG "OFF SUJIS" AKAN "ON " SEMULA SECARA AUTOMATIK APABILA MASUK WAKTU MAKAN UBAT SETERSNYA.

BUNYI ISYARAT PERINGATAN WAKTU MAKAN UBAT DI SAMBUNGAN KE ASRAMA DAN BLOK KEMAHIRAN .

DIHIDUPKAN MENGGUNAKAN KUASA ELEKTRIK

BOLEH DIGUNAKAN UNTUK PANGGILAN ROLL CALL PENGHUNI DENGAN MENGUBAH BUNYI ISYARAT LONCENG YANG BERBEZA .

FUNGSI LAIN BOLEH MENGECAS TELEFON PINTAR

HASIL INOVASI



xii) Kumpulan Welfrenz

Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Miri Sarawak

Masalah: Proses pemakluman surat bantuan dan Kad OKU lambat diserahkan kepada klien atas sebab kedudukan geografi, demografi dan liputan talian telefon.

Pelaksanaan Projek: Sistem i - Track dicipta untuk mengetahui status permohonan Kad OKU.

Impak Projek: Membantu menyelesaikan isu lambat memaklumkan keputusan atau status permohonan Kad OKU.



Nama Projek: i - Track

AGEN JKM
Log In
771 229137710 ID USER
PASSWORD
ENTER

No.	ZON	Mama	Mama's	Kategori	Jangka Masa
1	Zon A	Imeng Ngap	Long Niah, Baram	Kad OKU	54 Hari
2	Zon A	Tik Imbang	Long Saru, Baram	Surat Kelulusan	27 Hari
3	Zon A	Lirik Ak. Serih	Long Selau, Baram	Kad OKU	4 Hari
4	Zon A	Kumpang Bajik	Long Selau, Baram	Kad OKU	Teloh Diarah
5	Zon A	Bulan Ngo	Long Tanjung Terapi, Baram	Surat Kelulusan	Ditambakan

SEMAKAN
SILA MASUKKAN NO. KAD PENGENALAN
MASUK

ZULKIPLI BIN RAMLI
890428-13-5035
Permohonan anda telah lulus.
Sila ambil surat dengan Penghulu Marin Ak. Kajop (Agen JKM).
Boleh hubungi di talian 012-3456789



xiii) Kumpulan J-Resolusi

Taman Sinar Harapan Jubli, Johor

Masalah: Menguruskan proses mandi terutama penghuni institusi yang terlantar. Berat setiap penghuni berbeza dan memerlukan petugas untuk mengangkat juga bergantung kepada berat tubuh dan keadaan penghuni. Faktor keselamatan dan kepantasan untuk membantu memandikan seseorang penghuni.

Pelaksanaan Projek: Menggunakan kerusi malas yang diubah suai dengan dipasang roda dan boleh menampung berat sehingga 80 kg.

Impak Projek: Membantu petugas di institusi untuk membawa penghuni dengan selamat dan selesa ke tempat mandi. Penghuni boleh dibaringkan atau dibiarkan dalam posisi duduk ketika proses mandi. Produk mudah dicuci oleh petugas setelah menggunakannya.



Nama Projek: BATH FOR BEDRIDDEN (B4B)




I INOVASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (PENAMBAHBAIKAN)

i) Kumpulan Bakti Rumah Kanak-kanak Sultanah Hajah Kalsom Penor, Pahang

Masalah: Kanak-kanak di institusi ini didapati memerlukan pengambilan ubat psikiatri secara kerap untuk mengawal tingkah laku di luar kawalan.

Kegunaan Produk: Taman yang diilhamkan berkonsepkan Terapi Zoo (Terapi Bantuan Haiwan) yang menyediakan landskap yang lengkap dan menceriakan.

Impak Projek: Dos dan kekerapan pengambilan ubat psikiatri telah berjaya dikurangkan terhadap kanak-kanak. Pembentukan emosi, sosial, tingkah laku dan fungsi kognitif kanak-kanak dilihat cenderung ke arah yang lebih positif dengan melibatkan terapi haiwan dan alam semula jadi.



ii) Kumpulan Atma Wangsa

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Maran Pahang

Masalah: Kakitangan JKM didapati mengalami kesukaran di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) khususnya dalam menjalankan pendaftaran mangsa dengan kadar segera dan menyediakan data pecahan mangsa di PPS yang lengkap.

Kegunaan Produk: Kod QR akan dijana secara automatik bagi keseluruhan data dan Kad Diverse akan diwujudkan untuk setiap isi rumah.

Impak Projek: Menyelaraskan dari segi keperluan bantuan kepada mangsa bencana yang ditempatkan di PPS atau tidak berpindah ke PPS semasa berlakunya bencana alam. Data yang diperolehi disimpan secara automatik di *Google Drive* yang selamat daripada digodam.



Nama Projek: DiVERSe (Disaster Victim Early Registration System)



iii) Kumpulan 2HarmoniWE

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

Masalah: Memerlukan masa yang lama untuk menyediakan pelaporan berkaitan PAWE.


Kegunaan Produk: Sistem mesra warga emas yang mudah digunakan dan memudahkan pelaporan PAWE. Mewujudkan notifikasi sebagai maklumat kepada pengguna. Data PAWE disimpan secara digital dan sistematik.

Impak Projek: Pusat data untuk mengelakkan kehilangan maklumat berkaitan dengan pelaporan PAWE.



Nama Projek: E-pena – Sistem Elektronik Pemantauan dan Naziran Pusat Aktiviti Warga Emas secara dalam talian. Pengguna sistem ini adalah Jawatankuasa PAWE, Penyelaras JKM Daerah dan Negeri.

DESIGN THINKING MODEL



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat

Berkat Berjasa

SELAMAT DATANG
Repositori Pusat Aktiviti Warga Emas(PAWE)

Ingat Saya [Lupa Kata Laluan?](#)

LOG MASUK

iv) Kumpulan Mutiara DBD

Desa Bina Diri Jerantut Pahang


Masalah: Kekangan staf untuk menguruskan kebersihan diri penghuni terutama semasa memandikan mereka. Pembaziran sumber seperti air, sabun, cebuk yang rosak dan hilang, tuala yang dibiarkan merata-rata serta memerlukan kakitangan yang ramai untuk menyelia satu-satu penghuni. DBD Jerantut mengendalikan kes-kes orang tua yang terlantar dan penghuni yang mempunyai masalah mental.

Pelaksanaan Projek: Sebelum ini penghuni menggunakan kolah untuk proses mandi. Gabungan produk iaitu penggunaan “open shower” dengan pancuran air, sabun dan bahan cecair untuk proses mandi penghuni.

Impak Projek: Penjimatan penggunaan air dan sabun. Interaksi lebih baik antara penghuni dan kakitangan serta penghuni dengan penghuni.



Nama Projek: Tahap kebersihan penghuni mental yang rendah.



v) **Kumpulan DEVGRU (Development Group)**

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Pilah

Masalah: Kekangan sumber elektrik untuk kegunaan di PPS atau semasa mengadakan pembukaan *booth/* kaunter pameran di luar pejabat. Ketiadaan atau kekurangan sumber elektrik menyumbang kepada kesukaran bagi membuat semakan status permohonan perkhidmatan JKM seperti status bantuan atau Kad OKU.

Pelaksanaan Projek: Pembinaan peralatan yang boleh menggunakan sumber daripada solar, generator dan bateri.

Impak Projek: Memudahkan urusan dengan klien dan mempercepatkan dari segi penyampaian maklumat.



Nama projek: P.E.S (Portable Electric Power Supply)



vi) **Kumpulan Team Tough**

Rumah Kanak-kanak Tengku Ampuan Fatimah Kuantan, Pahang

Masalah: Penemuan daripada pemerhatian dan soal selidik *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS) ke atas 30 orang kanak-kanak RKKTAF didapati kanak-kanak mengalami kebosanan, tekanan dan tidak aktif.

Pelaksanaan Projek: Menambah baik taman sedia ada mengikut kesesuaian dan minat kanak-kanak. Kepelbagaian tanaman berkonsepkan taman sebagai terapi dan *garden to plate* dengan tanaman sayuran dan herba.

Impak Projek: Ujian DASS selepas projek dilaksanakan mendapati kanak-kanak tidak mengalami kebosanan, menjadi aktif dan tiada lagi tekanan.



vii) Kumpulan Smart Fiks

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Selangor, Selangor

Masalah: Proses pendaftaran lambat di PPS disebabkan bilangan mangsa bencana. Mengambil masa untuk melengkapkan maklumat setiap isi keluarga.

Pelaksanaan Projek: Melancarkan proses pendaftaran mangsa iaitu dengan menggunakan gabungan aplikasi Kod QR, AppSheet dan Data Studio yang diberi nama elektronik Pusat Pemindahan Sementara (ePPS).



Nama projek: ePPS (Elektronik Pusat Pemindahan Sementara)

Impak Projek:

- Memudahkan urusan pendaftaran di pusat pemindahan sementara.
- Memudahkan data dan maklumat lengkap diperolehi.
- Memudahkan penyaluran maklumat yang tepat kepada agensi yang berkaitan.

PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH KUALA SELANGOR

ELEKTRONIK PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (ePPS)

PENGENALAN Inovasi ini yang dibina dengan menggunakan gabungan aplikasi QR CODE, APPSHEET DAN DATA STUDIO untuk memudahkan dan mempercepatkan urusan pendaftaran di PPS.

OBJEKTIF

1. Memudahkan urusan pendaftaran di Pusat Pemindahan Banjir Sementara;
2. Memudahkan data, maklumat lengkap dan statistik diperolehi;
3. Memudahkan penyaluran maklumat yang tepat kepada pelbagai pihak yang berkaitan.

MANUAL PENGGUNAAN SYSTEM EPPS

LANGKAH 1

LANGKAH 2

PENGURUSAN PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA

✕ PENGURUSAN PUSAT PEMINDAHAN SEM... docs.google.com

PENGURUSAN PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA

Borang pendaftaran mangsa bencana di pusat pemindahan

PERHATIAN

Sebarang pernyataan palsu atas butiran yang diberikan boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (AKTA 694). Sabit kesalahan boleh dipenjarakan tidak lebih 20 tahun; dan denda lima (5) kali ganda nilai suapan atau RM 10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

KOD QR

SCAN ME

PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA DEWAN BESTARI JAYA

viii) Kumpulan The Titans

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Setiu Terengganu

Masalah: Kos tinggi untuk cetakan kali kedua dengan hanya menggunakan Sistem Pengurusan Bantuan. Masalah kelambatan untuk muat turun maklumat yang diperlukan.

Pelaksanaan Projek: Sistem Pengurusan Bantuan dengan menggabungkan sistem Kod QR. Mewujudkan Kod QR bagi memudahkan semakan status permohonan bantuan dan dapat diakses oleh *stakeholders* dengan cepat.

Impak Projek: Menjimatkan masa mendapatkan maklumat berkenaan status permohonan bantuan dengan klik bahagian “semakan” dan maklumat permohonan diperolehi dengan mudah.



Nama projek: e-CODE



ix) Kumpulan Sri Stella Team

Taman Didikan Kanak-kanak Kurang Upaya Sri Stella, Tawau, Sabah

Masalah: Pesakit yang mempunyai masalah *Cerebral Palsy (Lower Limb)* dan *Overweight (Obesiti)* tidak sesuai menggunakan kerusi roda yang biasa.

Pelaksanaan Projek: Pembinaan kerusi roda adalah daripada material peralatan yang dilupuskan

Impak Pojek:

- 💡 Membantu memudahkan penjaga klien supaya kekerapan untuk beralih kedudukan dapat diminimumkan.
- 💡 Memudahkan klien untuk melakukan aktiviti seperti aktiviti motor halus, membaca surat khabar, melipat pakaian dan sebagainya.
- 💡 Mempunyai ciri-ciri keselamatan dimana klien yang menggunakannya tidak mudah terjatuh kerana mempunyai meja dan penahan yang kukuh di hadapan kerusi roda tersebut.
- 💡 Kalis air dan mudah dibersihkan.



Nama Projek: Stella Chair

HASIL INOVASI



x) Kumpulan i-NEEDS 2.0

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hilir Perak, Perak

Masalah:

- ⚡ Lambakan dokumen di pejabat yang tidak dilupuskan untuk tempoh 10 - 15 tahun.
- ⚡ Memberi masalah kepada pengguna untuk mencari semula fail berkenaan sebagai rujukan.



Nama Projek: Sistem Pengurusan Dokumen

Pelaksanaan Projek: Mengurangkan masa carian untuk mendapatkan maklumat dokumen, keselamatan data lebih terjamin dan pelaporan berkaitan maklumat yang disimpan adalah cepat dan tepat kepada *stakeholders*.

Impak Projek: Menjimatkan masa kepada pengguna untuk membuat carian fail.



SISTEM PENGURUSAN DOKUMEN PKMD HILIR PERAK



ID Pengguna

Kata Laluan

Log Masuk

Hak Cipta Terpelihara Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hilir Perak

PANEL HAKIM
ANUGERAH INOVASI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TAHUN 2022



Puan Tooty binti Jamaluddin
Agensi/ Bahagian:
Ideal Connector Sdn. Bhd.
Tanggungjawab:
Ketua Panel Hakim



Puan Manzalina binti Sulaiman
Agensi/ Bahagian:
Ideal Connector Sdn. Bhd.
Tanggungjawab
Panel Hakim



Encik Ismail bin Kasan
Agensi/ Bahagian:
Pengarah, Pusat Latihan Perindustrian
dan Pemulihan (PLPP) Bangi
Tanggungjawab:
Panel Hakim





1

Petikan Ucapan Perasmian



YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat

Seiring dengan perubahan teknologi dan corak pembangunan negara yang semakin pesat, agensi kerajaan perlu sentiasa mengorak langkah untuk menggunakan pendekatan baharu dan berbeza dalam melaksanakan sesuatu dasar dan perkhidmatan. Tumpuan perlu diberikan kepada penciptaan nilai, penambahan nilai, pengurangan kos, perkhidmatan yang memenuhi aspirasi dan harapan rakyat serta berimpak tinggi.

Seiring dengan perubahan teknologi, kehendak dan ekspektasi pelanggan pada masa ini semakin meningkat. Sehubungan dengan itu penjawat awam hendaklah lebih responsif dan menyediakan perkhidmatan yang lebih menjurus kepada keperluan pelanggan. Perkhidmatan awam kini amat memerlukan pendekatan-pendekatan baharu dan idea yang lebih inovatif dan kreatif agar penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan menjadi lebih cekap dan berkesan.

Justeru itu, tema Sambutan Hari Inovasi JKM Tahun 2022 iaitu “Pembudayaan Inovasi Meningkatkan Kualiti” dilihat dapat menggalakkan pegawai dan kakitangan JKM untuk melaksanakan tugas yang berkualiti bagi menyahut cabaran untuk memenuhi ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat.

Saya menyeru agar semua warga JKM berkongsi, menjana dan menghasilkan idea-idea inovasi dan kreatif bagi menambah baik kualiti perkhidmatan JKM serta menjadikannya sebagai nilai tambah dalam mencapai misi dan visi transformasi negara ini.

**Puan Rosmahwati binti Ishak**

Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)
Jabatan Kebajikan Masyarakat

Kumpulan yang menyertai KIK pada tahun ini adalah kumpulan yang terbaik di mana 80 peratus kumpulan telah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan iaitu kreatif, signifikan dengan kehendak Jabatan, dapat menyumbang kepada cara bekerja yang lebih efisien dan menjimatkan kos serta boleh terus diguna pakai (*replicability*).

Majoriti kumpulan memenuhi format yang ditetapkan dari segi komitmen pengurusan atasan, pembangunan idea, pembuktian pelaksanaan projek serta kesungguhan dan komitmen dalam melaksanakan projek.

Banyak idea kumpulan inovasi yang boleh terus direplikasi dengan mudah. Oleh itu, produk sedia ada boleh ditambah baik sedikit sekiranya perlu dan terus direplikasi dan dikongsi idea tersebut untuk kegunaan PKMD/ Institusi. Replikasi dapat memberi pulangan pelaburan kepada kumpulan yang bertanding dan dapat memberi faedah kepada PKMD/ Institusi yang lain.

Selain daripada itu, kerjasama strategik akan diperluaskan dan dimantapkan dengan agensi-agensi awam dan swasta agar idea-idea yang disumbangkan ini dapat direalisasikan untuk kesejahteraan klien Jabatan.

3

Pemenang Pertandingan Inovasi Jabatan Kebajikan Masyarakat 2022

A Kategori Inovasi Sosial (Penciptaan)



Tempat Pertama:
SPS Hero dari PKMD SPS dengan tajuk
projek T-RI



Tempat Kedua:
South West dari PKMD Barat Daya
dengan tajuk projek Wilcha Bizz

Tiada pemenang bagi tempat ketiga

B Kategori Inovasi Sosial (Penambahbaikan)

Tiada pemenang bagi tempat pertama dan kedua



Tempat Ketiga:
Kumpulan Homeward dari JPKA Sabah
dengan tajuk projek Homeward

L Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan)



Tempat Pertama:
Tunas Bakti Tech dari STB Jerantut
dengan tajuk projek Power Oven



i
Tempat Kedua:
Devgru dari PKMD Kuala Pilah dengan
tajuk projek Portable Electric Power Supply



ii
Tempat Kedua:
J-Resolusi dari TSH Jubli dengan tajuk
projek B4B (Bath For Bedridden)



i
Tempat Ketiga:
RSKC 1 Team dari RSK Cheras dengan
tajuk projek Willy Cage



ii
Tempat Ketiga:
Seri Perlis dari RSK Kangar dengan tajuk
projek Stretcher Pengurusan Jenazah

D Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan)



Tempat Pertama:
Bakti dari RKK Penor
dengan tajuk projek IGRA Park



Tempat Kedua:
Atma Wangsa dari PKMD Maran
dengan tajuk projek Diverse



Tempat Kedua:
2HarmoniWE dari JKMN Selangor
dengan tajuk projek Sistem ePENA



Tempat Ketiga:
Mutiara DBD dari DBD Jerantut dengan
tajuk projek Proses Kerja Membersihkan
Peghuni bermasalah mental/ terlantar



Tempat Ketiga:
Terabai Simanggang dari PKMB Sri Aman
dengan tajuk projek My Best

E Johan Keseluruhan Anugerah Inovasi JKM 2022

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PAHANG





MUTIARA DBDJ
Desa Bina Diri Jerantut, Pahang



TUNAS BAKTI TECH
Sekolah Tunas Bakti Jerantut, Pahang



ATMA WANGSA
Pejabat Kebajikan Masyarakat
Daerah Maran, Pahang

OP
202

































PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan terima kasih buat:

- Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
 - Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat
 - Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)
Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Pengarah Bahagian, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
dan Wilayah Persekutuan
- Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian dan Ketua Institusi
 - Panel Hakim Hari Inovasi
- Peserta-peserta Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif JKM Tahun 2022
 - Jawatankuasa Kerja Hari Inovasi JKM